

# Akademik, sahsiah cemerlang 2014



Dr. Hazzirah Izzati Mat Hassim (dua dari kanan) muncel **penerima ijazah doktor falsafah termuda** negara pada usia 24 tahun dalam bidang matematik Universiti Teknologi Malaysia, meraikan kejayaan bersama suami, Mohd Najib Zakaria (dua dari kiri), bapa, Mat Hassim Daud dan ibu, Martinawati Salleh.



Pengarah Politeknik Merlimau, Melaka, Zolkarnain Jobshi, menunjukkan **piala Anugerah Tenaga ASEAN 2014** sebagai institusi pengajian tinggi tempatan pertama memenangi dalam kategori bangunan kecil dan sederhana pada pertandingan Anugerah Tenaga ASEAN (ATA 2014) di Vientiane, Laos.



**Pasukan robotik Politeknik Malaysia** bergambar bersama robot dan piala selepas memenangi pertandingan 19th Roboworld Cup Beijing 2014.



**Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Riza Asmaa Shaari (kiri), Nur Hidayah Hassan (tengah) dan Siti Nurhafiz Asyren** bersama pingat emas yang dimenangi pada pertandingan British Invention Show, London.



Bekas Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Emeritus Tan Sri Dr Mohd Rashdan Baba dipilih sebagai **Tokoh Akademik Negara 2013** yang mana anugerahnya disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.



Ajler karate, **Lim Chye Wei** dijulang rakan sepasukan selepas menang pingat emas pada Sukan Universiti ASEAN Palembang 2014, Indonesia.